A

Chitra a/p Danapalan lwn Augustine Charles a/l Retnasingam

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PETISYEN PERCERAIAN NO S4–33–1449 TAHUN 2003

B FAIZA TAMBY CHIK H

26 JANUARY 2005

Acara Sivil — Res judicata — Prosiding yang sama — Sama ada prinsip res judicata

C *boleh diterima pakai dalam kes yang sama*

Acara Sivil — Res judicata — Prosiding yang sama — Sama ada prinsip estoppel boleh diterima pakai dalam kes yang sama

D

Mahkamah melalui perintah bertarikh 23 Jun 2004 memerintahkan antara lain responden suami membayar nafkah bulanan sebanyak 25% daripada pendapatan kasarnya kepada pempetisyen isteri untuk nafkah penyaraannya. Perintah itu

E bermula dari tarikh dekri nisi diumumkan. Selepas perintah tersebut responden memfailkan saman dalam kamar ini dalam prosiding yang sama untuk mendapatkan dua kereta (Honda Civic dan Perodua Kancil) yang didaftarkan atas nama pempetisyen atas alasan kereta-kereta itu adalah kepunyaan responden. Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada prinsip res judicata dan estopel terpakai dalam keadaan ini. Pihak responden telah berhujah bahawa prinsip estopel dan res

F judicata adalah tidak terpakai di sini kerana di sini responden tidak memfailkan dua prosiding atau proses pemula berlainan yang melibatkan pihak-pihak dan kausa tindakan yang sama untuk perintah berbangkit.

G

Diputuskan, saman dalam kamar responden ditolak dengan kos:

(1) Responden tidak pada bila-bila masa menuntut hak atas kereta milikan pempetisyen tersebut dalam prosiding petisyen perceraian ini walaupun pada segala masa yang material, pihak responden sedar bahawa kereta Honda Civic

H tersebut didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik. Ini adalah jelas daripada 'prayer-prayer' yang dipohon oleh responden dalam petisyen balas responden. Oleh itu pihak responden adalah diestop daripada menuntut hak ke atas kereta milikan pempetisyen tersebut kerana pihak responden tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau permohonan untuk menuntut hak atas kereta milikan pempetisyen tersebut dalam prosiding petisyen perceraian

I walaupun pada segala masa yang material, pihak responden sedar bahawa kereta Honda Civic tersebut adalah didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik (lihat perenggan 7).

(2) Kereta perodua kancil tersebut telah dibeli pada atau sekitar bulan Mei 1996 dan oleh itu adalah tidak betul hujahan pihak responden bahawa ianya telah

dibeli untuk harijadi pempetisyen pada tahun 1996 yang jatuh selepas enam (6) bulan kemudiannya. Selanjutnya kereta itu telah dicuri pada Mei 2002 dan responden yang membawa kad pendaftaran kepada pegawai penyiasat berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak polis telah mengesan kereta Perodua Kancil tersebut dalam bulan September 2002 dan ianya dalam keadaan teruk dan tidak dapat dipandu oleh pempetisyen. Maka dengan pengetahuan penuh responden, kereta Perodua Kancil tersebut telah di 'trade-in' dengan sebuah kereta Proton Satria dan responden tidak pada bila-bila masa membantah terhadapnya dan/atau menuntut apa-apa hak ke atas kereta Perodua Kancil tersebut kerana ianya didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik berdaftar yang sah di sisi undang-undang dan dalam prosiding petisyen perceraian pihak responden telah gagal menuntut apa-apa hak atas kereta Perodua Kancil tersebut dan kereta Honda Civic tersebut dan oleh itu pihak responden adalah diestop daripada berbuat sedemikian untuk kereta milikan pempetisyen tersebut (lihat perenggan 8).

(3) Kereta milikan pempetisyen tersebut telah didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik secara rela dan secara mutlak oleh responden. Pihak pempetisyen hanya mengambil kereta milikan pempetisyen tersebut (Honda Civic) kerana ianya adalah kepunyaan pempetisyen. Tambahan pula, responden menggunakan kereta milik pempetisyen tersebut untuk membawa teman-teman wanitanya jalan-jalan pada lewat malam tanpa bertanggungjawab terhadap anak-anaknya. Oleh hujahan pihak responden bahawa pempetisyen telah mencuri kereta milikan pempetisyen tersebut adalah tidak masuk akal kerana ianya adalah milikan dan kepunyaan pempetisyen (lihat perenggan 12).

[English summary

Via order dated 23 June 2004, the court ruled, inter alia, that the respondent contributes 25% of his monthly gross income to the petitioner for maintenance. The order began from the date the decri nisi was announced. After the said order, the respondent filed the originating summons in the similar proceeding to obtain both cars (Honda Civic and Perodua) registered under the petitioner's name based upon the reason that the cars belonged to the respondent. The issue that must be held by the court is whether principles of res judicata and estoppel are applicable herein. However, the respondent argued that the estoppel and res judicata principles were not applicable herein because the respondent did not file two proceedings or due to different originating processes which involved various parties and similar cause of action for a consequential order.

Held, respondent's originating summons was dismissed with costs:

(1) The respondent did not at any time claim rights over the petitioner's possession of the said car in the divorce petition proceeding eventhough at all material times, the respondent realized that the said Honda Civic was registered in the petitioner's name as the owner. This is clear from the 'prayers', prayed by the respondent in the respondent's petition in reply. Therefore, the respondent is

estopped from claiming rights over the possession of the car because the respondent did not claim and/or make an application to claim rights over the possession of the said car in the divorce petition proceeding eventhough at all material times, the respondent realized that the said Honda Civic was registered in the petitioner's name as the owner (see para 7).

(2) The said perodua kancil was bought on or around May 1966 and therefore the argument that it was bought for the petitioner's birthday in 1996 which was 6 months later is baseless. Further, the car was stolen in May 2002 and it was the respondent who brought the identity card to the investigating officer concerned. However, the police detected the said car in September 2002 and it was in bad shape and therefore could not be driven by the petitioner. With the respondent's knowledge, the said Perodua kancil was traded in with another Proton Satria and the respondent did not at any time object to the trade in and/or claim any rights over the said Perodua kancil because it was registered under the petitioner's name as the valid registered owner and in the divorce petition proceeding, the respondent failed to claim any rights over the said perodua kancil and the said Honda Civic and therefore the respondent is estopped from doing so for the possession of the car of the said petitioner. (see para 8).

(3) The petitioner's possession of the said car was registered under the name of the petitioner as the absolute owner by the respondent. The petitioner only took the possession of the car (Honda Civic) because it belonged to the petitioner. In addition, the respondent used the petitioner's car to cart his girlfriends at night, having little responsibility towards his children. Therefore, the argument by the respondent that the petitioner stole her own car is baseless because it belonged to the petitioner.(see para 12).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai prosiding yang sama, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 5437–5438.

Kes-kes yang dirujuk

Asia Commercial (M) Sdn Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd [1995] 3 MLJ 189 (dirujuk)
Fazarudin bin Ibrahim v Parkson Corp Sdn Bhd (No 2) [2000] 6 MLJ 685 (dirujuk)
Gisela Gertrud Abe v Tan Wee Kiat [1986] 2 MLJ 297 (dirujuk)
Government of Malaysia v Dato' Chong Kok Lim [1973] 2 MLJ 74 (dirujuk)
Kanawagi s/o Seperumaniam v Penang Port Commission [2001] 5 MLJ 433 (dirujuk)
Hartecon JV Sdn Bhd & Anor v Hartela Contractors Ltd [1996] 2 MLJ 57 (dirujuk)
Nagapushani v Nesaratnam & Anor [1970] 2 MLJ 8 (dirujuk)
OCBC Bank (Malaysia) Bhd v Kredin Sdn Bhd [1997] 2 MLJ 544 (dirujuk)
Silver v Silver [1958] All ER 523 (dirujuk)

Alex Charles (Nur Ashikin Alex & Rakan-Rakan) bagi pihak pempetisyen isteri.
M Kalaishelvam (Abd. Halim Ushah & Associates) bagi pihak responden suami.

Faiza Tamby Chik H:

[1] Perintah mahkamah bertarikh 23 Jun 2004. Perintah tersebut memerintahkan antara lain responden suami membayar nafkah bulanan sebanyak 25% daripada pendapatan kasarnya kepada pempetisyen isteri untuk nafkah penyaraannya. Perintah itu bermula dari tarikh dekri nisi diumumkan. Dapat diperhatikan bahawa si responden suami sedar mengenai perintah tersebut kerana salinan perintah bermeteri telah pun diserahkan kepadanya (lihat eksh 'CD-6').

[2] Pihak responden telah berhujah bahawa prinsip estopel dan res judicata seperti dalam kes *Asia Commercial (M) Sdn Bhd v Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 MLJ 189 adalah tidak terpakai di sini kerana dalam kes tersebut plaintif telah memfailkan 'dua prosiding berlainan' yang melibatkan pihak-pihak dan kausa tindakan yang sama. Dalam kes *Kanawagi s/o Seperumaniam v Penang Port Commission* [2001] 5 MLJ 433, pihak plaintif juga telah memfailkan 'dua prosiding berlainan' di mana plaintif telah memfailkan suatu proses pemula ('originating process') iaitu Saman Pemula No R2–24–5 tahun 2000 untuk memohon perintah berbangkit ('consequential order') dari perintah dalam Guaman Sivil No S1–22–208 tahun 1987 iaitu kes asas ('the main case'). Dapat diperhatikan di dalam kes kita tiada proses pemula dan/atau prosiding/tindakan berlainan ('separate action') yang telah difailkan oleh pihak responden untuk memohon perintah berbangkit ('consequential order'). Saya berpendapat dalam kes *Government of Malaysia v Dato' Chong Kok Lim* [1973] 2 MLJ 74, YA Hakim Sharma telah memutuskan seperti berikut:

> Held: The defendant was estopped on the principle of res judicata from making the application and therefore the application must be dismissed.

[3] Selanjutnya YA Hakim Sharma juga dalam penghakiman bertulis beliau telah memutuskan inter alia seperti berikut:

> … The principle of res judicata applies also as between two stages in the same litigation to this extent that a court, whether the trial court or a higher court having at an earlier stage decided a matter in one way will not allow the parties to re-agitate the matter again at a subsequent stage of the proceedings.
>
> A decision given by a court at one stage on a particular matter or issue is binding on it at a later stage in the same suit or in a subsequent suit. …
>
> … The rule is that a matter which might and ought to have been made a ground of attack or defence becomes a matter which was constructively in issue. A matter which might and ought to have been made a ground of attack or defence in the former application but which was not alleged as such as a ground of attack or defence is for the purposes of the plea of res judicata deemed to have been a matter directly and substantially in issue in the former application, that is to say, though it may not have been actually directly and substantially in issue it is still regarded as, having been constructively, directly and substantially in issue. There can be no distinction between a claim that was actually made and a claim which might and ought to have been made. The plea of res judicata applies, except in special cases, not only to points on which the court was actually required by the parties to form an opinion and to pronounce its judgment thereupon but to every point which properly belonged to the subject of litigation and which the parties exercising reasonable diligence

might have brought forward at the time. It is only where the plea which is sought to be raised in the subsequent proceedings was not available to the party at the time of the previous proceedings that the decision cannot be constructively res judicata. The rule of constructive res judicata is really a rule of estoppel. The question now raised has already been heard and finally decided. It constitutes but a part of the prayer in the former application. It was not collaterally or incidentally but directly and substantially in issue when encl 9 was heard and decided. The answer to the matter is simple. The defendant's only remedy was by way of an appeal against the decision of Mr Justice Chang Min Tat. The matter was heard on merits and finally decided. It is not capable of readjudication by the same court in the same suit. The defendant could certainly re-agitate the matter before the Federal Court if the Plaintiff finally succeeds in obtaining judgment and an appeal is filed against that judgment. The law, as I understand it, is that the defendant is precluded from filing a second application in respect of a matter which was directly and substantially in issue in the earlier application (encl 9) in this very court. If a decision has been given with respect to a matter or part of a matter in controversy between the parties by a court of competent jurisdiction it remains binding in the subsequent stages of the same proceedings in the same court and cannot be re-opened in that court. In my view an erroneous decision irrespective of whether it is on a question of law or fact operates as res judicata between the parties to it. The correctness or otherwise of a judicial decision seems to have no bearing upon the question whether it operates as res judicata or not. Until that decision is reversed or set aside on appeal its finality and binding force remain operative on the parties.

[4] Kes *Dato' Chong Kok Lim* tersebut di atas telah diterimapakai oleh Mahkamah Rayuan Malaysia dalam kes *Hartecon JV Sdn Bhd & Anor v Hartela Contractors Ltd* [1996] 2 MLJ 57. Dalam kes *OCBC Bank (Malaysia) Bhd v Kredin Sdn Bhd* [1997] 2 MLJ 544, Mahkamah Rayuan Malaysia telah inter alia memutuskan seperti berikut:

'Issue estoppel' represents an extension of the doctrine of res judicata to include a bar on the subsequent litigation not only of all decided issues whose resolution was essential to the determination of earlier proceedings but also 'to every point which properly belonged to the subject of litigation, and which the parties, exercising reasonable diligence, might have brought forward at the time. Thus 'issue estoppel' has been extended to cover not only the case where a particular point has been raised and specifically determined in the earlier proceedings, but also that where in the subsequent proceedings it is sought to raise a point which might have been but was not raised in the earlier.'

[5] Dalam kes kita adalah tidak dipertikaikan bahawa kereta jenis Honda Civic tersebut telah didaftarkan atas nama pempetisyen sebagai pemilik kereta tersebut (sila rujuk eksh 'CD-2' di ms 12 afidavit jawapan pempetisyen tersebut dan eksh 'CD-7' di ms 11 afidavit jawapan ketiga pempetisyen tersebut). Oleh itu kereta milikan pempetisyen tersebut ('Honda Civic') merupakan aset atau harta pempetisyen atas suatu anggapan pendahuluan ('presumption of advancement') dan bukannya aset atau harta responden. Perintah mahkamah bertarikh 23 Jun 2004 adalah berhubung dengan aset atau harta responden dan ianya tidak ada kena mengena dengan aset atau harta pempetisyen. Lebih penting lagi adalah fakta bahawa pihak responden tidak pada bila-bila masa menuntut hak atas kereta milikan pempetisyen tersebut ('Honda Civic') dalam prosiding petisyen perceraian. Ini adalah jelas daripada 'prayer-prayer' yang dipohon oleh responden dalam petisyen balas responden.

[6] Dalam kes *Fazarudin bin Ibrahim v Parkson Corp Sdn Bhd (No 2)* [2000] 6 MLJ 685, mahkamah telah merujuk kepada fakta seperti berikut: **A**

> Another interesting factual matrix to consider would be this. In encl 13, Fazaruddin sought at para 19 the following prayers:
>
> Oleh yang demikian, pihak kami dengan rendah hati memohon mahkamah yang mulia ini supaya membuat peruntukan-peruntukan seperti berikut: **B**
>
> (a) permohonan responden ditolak dengan kos.
>
> Tuntutan balas
>
> (a) Timbalan Pendaftar Mahkamah yang mulia ini mengambil kira akaun antara responden-responden dengan pemohon sebagaimana wajar; **C**
>
> (b) ganti rugi dan kerugian akibat penyalahgunaan logo dagangan pemohon oleh responden dan ditaksirkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah yang mulia ini dan dibayar oleh responden-responden kepada pemohon-pemohon;
>
> (c) kos guaman ini; **D**
>
> (d) lain-lain relif yang difikirkan sesuai dan manfaat oleh mahkamah yang mulia ini.'

[7] Dalam kes di atas, mahkamah telah membenarkan permohonan pemohon untuk perintah sampingan ('ancillary order') untuk ganti rugi ditaksirkan di pihak pemohon kerana melalui tuntutan balasnya pihak pemohon telah menuntut untuk yang sama. Dalam kes kita, pihak responden tidak pada bila-bila masa menuntut hak atas kereta milikan pempetisyen tersebut dalam prosiding petisyen perceraian ini walaupun pada segala masa yang material, pihak responden sedar bahawa kereta Honda Civic tersebut didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik. Ini adalah jelas daripada 'prayer-prayer' yang dipohon oleh responden dalam petisyen balas responden. Oleh itu pihak responden adalah diestop daripada menuntut hak ke atas kereta milikan pempetisyen tersebut kerana pihak responden tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau permohonan ('prayer') untuk menuntut hak atas kereta milikan pempetisyen tersebut dalam prosiding petisyen perceraian walaupun pada segala masa yang material, pihak responden sedar bahawa kereta Honda Civic tersebut adalah didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik. **E** **F** **G**

[8] Dalam kes ini pihak pempetisyen telah mengemukakan sesalinan Perakuan Pendaftaran Kenderaan No BET 3007 bagi kereta Perodua Kancil tersebut yang membuktikan bahawa kereta Perodua Kancil tersebut telah dibeli pada atau sekitar bulan Mei 1996 dan oleh itu adalah tidak betul hujahan pihak responden bahawa ianya telah dibeli untuk harijadi pempetisyen pada tahun 1996 yang jatuh selepas enam bulan kemudiannya iaitu pada 17 November 1996. Saya berpendapat bahawa responden telah membuat suatu kenyataan yang palsu demi mengelirukan Mahkamah ini dengan fakta yang tidak benar. Selanjutnya dapat diperhatikan bahawa kereta Perodua Kancil tersebut telah dicuri pada Mei 2002 kerana responden yang membawa kad pendaftaran kepada pegawai penyiasat Sarjan Samsudin (S 95135). Walau bagaimanapun, pihak polis telah mengesan kereta Perodua Kancil tersebut dalam bulan September 2002 dan ianya dalam keadaan teruk dan tidak dapat dipandu oleh pempetisyen. Maka dengan pengetahuan penuh responden, kereta Perodua Kancil tersebut telah di 'trade-in' dengan sebuah kereta Proton Satria **H** **I**

dan responden tidak pada bila-bila masa membantah terhadapnya dan/atau menuntut apa-apa hak ke atas kereta Perodua Kancil tersebut kerana ianya didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik berdaftar yang sah di sisi undang-undang sama seperti dengan kereta milikan pempetisyen tersebut. (Sila rujuk perenggan 13 afidavit jawapan ketiga pempetisyen tersebut). Oleh itu, saya berpendapat bahawa pihak responden juga telah mengelirukan Mahkamah dengan fakta yang tidak benar apabila responden menyatakan bahawa beliau telah membeli kedua-dua biji kereta tersebut dengan menggunakan duit hasil jualan rumah pada awal tahun 1997 dan keuntungan saham pada tahun 1998. (sila rujuk perenggan 14 afidavit balasan responden (11) tersebut). Sebenarnya, kereta Perodua Kancil tersebut telah dibeli pada bulan Mei 1996 (sila rujuk di ms 17–18 afidavit jawapan kedua pempetisyen tersebut) sedangkan rumah dijual pada awal tahun 1997 dan keuntungan saham adalah pada tahun 1998 seperti yang disahkan oleh responden sendiri. Seperti juga kereta Honda Civic tersebut, kereta Perodua Kancil tersebut adalah didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik kenderaan tersebut dan dalam prosiding petisyen perceraian pihak responden telah gagal menuntut apa-apa hak atas kereta Perodua Kancil tersebut dan kereta Honda Civic tersebut dan oleh itu pihak responden adalah diestop daripada berbuat sedemikian untuk kereta milikan pempetisyen tersebut.

[9] Saya berpendapat bahawa kereta milikan pempetisyen tersebut telah dibeli pada 3 November 1998 sebagai hadiah ('gift') harijadi pempetisyen yang ke-35 yang jatuh pada 17 November 1998. Dalam kes *Nagapushani v Nesaratnam & Anor* [1970] 2 MLJ 8, Raja Azlan Shah (DYMM pada masa itu) telah memutuskan inter alia seperti berikut:

> (2) Where a husband transfers property to the name of his wife there is a presumption of an intention to effect a gift to her…

[10] Merujuk kepada suatu kes Inggeris *Silver v Silver* [1958] All ER 523 Mahkamah Rayuan, Lord Evershed telah menjelaskan prinsip anggapan pendahuluan ('presumption of advancement') seperti berikut:

> … a rule that if a husband makes a payment for or puts property into the name of a wife, he intends to make an advancement to her. As was said by Sir George Jessel some time ago such a disposition by the husband, unless otherwise explained, will be treated in equity as intended to effect a gift.

[11] Dalam kes kita adalah tidak dipertikaikan bahawa kereta milikan pempetisyen tersebut yang dibeli oleh responden telah didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik. Dan selanjutnya kereta milikan pempetisyen tersebut telah dibeli pada 3 November 1998 sebagai hadiah ('gift') harijadi pempetisyen yang ke-35 yang jatuh pada 17 November 1998.

[12] Berdasarkan kes *Gisela Gertrud Abe v Tan Wee Kiat* [1986] 2 MLJ 297 (Mahkamah Agung) adalah terang bahawa perintah bagi pembayaran nafkah bulanan telah dibuat tanpa apa-apa salahnyata ('misrepresentation'), silap fakta ('mistake of fact') atau penukaran material dalam sesuatu keadaan ('material change in the circumstances') dan oleh itu tiada asas bagi prayer (d) saman dalam kamar tersebut

(lampiran 29). kereta milikan pempetisyen tersebut telah didaftar atas nama pempetisyen sebagai pemilik secara rela ('voluntary') dan secara mutlak (absolutely) oleh responden. Pihak pempetisyen hanya mengambil kereta milikan pempetisyen tersebut (Honda Civic) kerana ianya adalah kepunyaan pempetisyen. Tambahan pula, responden menggunakan kereta milikan pempetisyen tersebut untuk membawa teman-teman wanitanya jalan-jalan pada lewat malam tanpa bertanggungjawab terhadap anak-anaknya. (sila rujuk perenggan 8(a) dan 8(b) afidavit jawapan kedua pempetisyen tersebut). Oleh itu, hujah pihak responden bahawa pempetisyen telah mencuri kereta milikan pempetisyen tersebut adalah tidak masuk akal kerana ianya adalah milikan dan kepunyaan pempetisyen. Selanjutnya pempetisyen tidak pernah dituduh di mana-mana mahkamah atas dakwaan responden bahawa pempetisyen telah mencuri kereta milikan pempetisyen tersebut. Seterusnya dapat diperhatikan bahawa pihak pempetisyen ingin menegaskan bahawa pempetisyen hanya mengetahui senarai aset kepunyaan responden tersebut bukan daripada 'note book' seperti yang didakwa oleh responden tetapi daripada dokumen-dokumen yang pihak pempetisyen baru-baru ini memperolehi seperti berikut:

(a) bil cukai taksiran (cukai pintu) bertarikh 1 Januari 2001;

(b) surat daripada Granit Emas Holdings Sdn Bhd bertarikh 30 Julai 2003;

(c) surat daripada Gunung Tiga Property Management Sdn Bhd bertarikh 28 Februari 2003;

(d) surat daripada Arab-Malaysian Property Management Co Sdn Bhd bertarikh 30 September 2002;

(e) surat daripada RHB Bank Bhd bertarikh 11 Jun 2003;

(f) perakuan menduduki sementara bertarikh 17 Julai 2003;

(g) surat daripada BHLB Pacific Trust;

(h) surat daripada Commerce Trust Bhd bertarikh 28 Julai 2003; dan

(i) penyata akaun daripada Heritage Grand Vacation Club Bhd.

(sila rujuk eksh 'CD-8' di ms 13–21 afidavit jawapan ketiga pempetisyen tersebut).

[13] Atas alasan di atas, saman dalam kamar dalam lampiran (29) dengan ini ditolak dengan kos.

Saman dalam kamar responden ditolak dengan kos.

Reported by K Krishnan